

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA



DR. NORHAYATI meninjau operasi penguatkuasaan larangan merokok di sekitar Putrajaya, malam kelmarin.

96,127 diberi notis kesalahan merokok

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan 96,127 notis kesalahan merokok di seluruh negara tahun lalu iaitu meningkat berbanding 67,350 notis kesalahan bagi tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, sebanyak 41,581 notis kesalahan dikeluarkan pada tahun 2023 atas kesalahan merokok di kedai makan berbanding 30,648 notis pada tahun sebelumnya.

Timbalan Ketua Pengarah

Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Norhayati Rusli berkata, pihaknya memandang serius isu aduan kesalahan merokok di tempat larangan terutama di premis makan yang semakin menjadi-jadi dan tular di media sosial sejak kebelakanga ini.

Beliau berkata, pihaknya tidak pernah menghentikan aktiviti penguatkuasaan larangan merokok, malah ia dijalankan secara berkala di semua negeri.

“Secara keseluruhan, seba-

nyak 16,046 operasi di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dilaksanakan tahun lalu berbanding 12,773 operasi pada 2022.

“Lima negeri mencatat notis kesalahan merokok di tempat makan tertinggi tahun lalu iaitu Selangor dengan 6,126 notis, Johor (5,174), Perak (4,365), Sarawak (4,240) dan Pahang (4,002),” katanya selepas meninjau ‘Ops Kedai Makan’ di sini kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

KKM keluar 235,706 notis kesalahan merokok

SHAH ALAM - Sebanyak 235,706 notis kesalahan larangan merokok dikeluarkan bagi tempoh dua tahun di seluruh negara hasil tindakan 28,819 operasi.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, jumlah itu direkodkan bagi tahun 2022 dan 2023.

Secara keseluruhan, katanya, sebanyak 12,773 bilangan operasi di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 manakala bagi tahun 2023 bilangan operasi adalah sebanyak 16,046, katanya.

"Bagi Peraturan 11 (1) PPKHT 2004 iaitu larangan merokok di 23 tempat dilarang merokok, sejumlah 67,350 notis kesalahan dikeluarkan pada tahun 2022, manakala sebanyak 96,127 notis kesalahan dikeluarkan pada tahun 2023.

"Bagi Peraturan 11 (1)(d) PPKHT 2004 iaitu larangan merokok di tempat makan, sejumlah 30,648 notis kesalahan dikeluarkan pada tahun 2022, manakala sebanyak 41,581 notis kesalahan dikeluarkan pada



KKM melaksanakan operasi kesalahan merokok di seluruh negara.

tahun 2023," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, lima negeri dengan notis kesalahan merokok di tempat makan paling tinggi sepanjang tahun lalu adalah Selangor (6,126 notis), Johor (5,174 notis), Perak (4,365 notis), Sarawak (4,240 notis) dan Pahang (4,002 notis).

Mengulas mengenai operasi sepanjang dua hari pada Selasa dan

Rabu, sebanyak 119 notis kesalahan dengan nilai sebanyak RM28,950.00 di bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983 telah dikeluarkan.

"Antara kesalahan dikesan ialah gagal mempamerkan tanda larangan merokok di premis, gagal memastikan tiada orang merokok di premis serta kesalahan merokok oleh orang belum dewasa," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

KKM keluar 96,127 notis kesalahan merokok 2023

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengeluarkan sebanyak 96,127 notis kesalahan merokok di seluruh negara tahun lalu iaitu meningkat ketara berbanding 67,350 notis bagi tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, sebanyak 41,581 notis kesalahan dikeluarkan pada tahun 2023 atas kesalahan merokok di kedai makan berbanding 30,648 notis pada tahun sebelumnya.

Timbalan Ketua Pengerah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Norhayati Rusli berkata, pihaknya memandang serius isu aduan kesalahan merokok di tempat larangan terutama di premis makan yang semakin menjadi-jadi dan tular di media sosial.

Katanya, aktiviti penguatkuasaan larangan merokok tidak pernah dihenti malah ia dijalankan secara berkala di semua negeri.

Secara keseluruhan, sebanyak 16,046 operasi di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dilaksanakan tahun lalu berbanding 12,773 operasi pada tahun 2022.